

30 buah kampung di Baling dilanda banjir

BALING – Sebanyak 30 buah kampung di daerah ini dilanda banjir selepas hujan lebat lebih tiga jam pada 31 petang kelmarin.

Lebih 600 penduduk terpaksa berpindah ke rumah masing-masing.

Sementara itu, lebih 200 penduduk di mukim Kupang dan Pulau telah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri Kupang, Ishak Mat berkata,

lainnya termasuk, Charuk Bemban dan Setol.

"Penduduk yang berpindah terpaksa ditempatkan di khemah sementara kerana beberapa kawasan di sekitar ini telah terbenam.

"Ditambah dengan banjir yang semakin melanda, penduduk terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara sebelum ini untuk di-evakuasi banjir melebihi satu meter.

"Gerakan membantu mangsa banjir bermula pada 1 malam hingga 2 pagi termasuk barangan makanan termasuk beras, tepung, gula, kopi, sardin, rempah-rempah dan sebagainya.

lilai dengan banjir," katanya.

Ditambah pula itu, di mukim Pulau pula lebih 100 penduduk di Kampung Lautak Hilir, Padang China, Kampung Lela dan Chenerai di pindahkan ke pusat pemindahan sementara selepas air sungai naik mendadak semalam.

Antara kampung kampung lain di mukim itu yang terdampak adalah kampung kampung Tanjung Merbau, Kampung Titi Teduri, Charuk Bemban, Sungai Limau, Setol, Banggol Serdang, Tok Teduri, Banggol Serai dan Banggol Masjid.



KERATAN Kosmo! semalam.

Bah di Baling pulih

Oleh **AZMAN MD NOOR**
berita@kosmo.com.my

BALING – Kesemua 200 penduduk yang ditempatkan di pusat pemindahan akibat banjir di daerah Baling pada Sabtu lalu dibenarkan pulang ke rumah masing-masing semalam.

Mereka merupakan penduduk dari 30 buah kampung di mukim Kupang dan Pulau yang ditenggelami air melebihi satu meter.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri Kupang, Ishak Mat berkata, mereka mula dibenarkan pulang malam kelmarin dan pagi semalam selepas banjir yang melanda sekitar kampung terbabit surut.

"Kesemua penduduk yang dipindahkan ke khemah sementara sebelum ini telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing," katanya.

Menurutnya, mereka mula ber-

pindah pada pukul 7 malam Sabtu lalu selepas sebahagian rumah mereka dinaiki air akibat hujan lebat hampir empat jam.

Katanya, walaupun ada di antara penduduk yang tidak berpindah, pihaknya turut menyerahkan bantuan makanan bagi menampung keperluan harian mereka.

"Kami telah menghantar laporan berhubung kejadian banjir kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat hari ini (semalam) dan mengemukakan laporan kepada Majlis Keselamatan Negara bagi membantu pihak berkenaan mendapat maklumat lebih tepat," katanya.

Antara Kampung yang dinaiki air ialah Kampung Tanjung Merbau, Titi Teduri, Charuk Bemban, Sungai Limau, Setol, Banggol Serdang, Sera Bawah dan Sera Masjid.